

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG - PKR]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO.30**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan setakat ini bagi melindungi atlet negara dan menjaga kebajikan mereka selepas berlaku kes jurulatih pasukan terjun negara merogol atlet.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekas jurulatih skuad terjun negara yang didakwa atas kesalahan merogol atlet telahpun ditamatkan kontrak pada bulan November 2017 lalu melalui keputusan bersama Majlis Sukan Negara (MSN) dan Persatuan Renang Amatir Malaysia (ASUM) dalam usaha meredakan tekanan yang dialami oleh atlet-atlet terjun negara.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) juga telah menubuhkan Jawatankuasa (*Task Force*) yang diketuai oleh Datuk Marina Chin selaku Ahli Lembaga Pengurus MSN yang bertanggungjawab untuk mengkaji isu-isu gangguan seksual dan psikologi atlet dalam program-program sukan berprestasi tinggi negara. Jawatankuasa berkenaan juga akan menetapkan satu standard atau prosedur berkaitan hak dan keselamatan atlet mahupun jurulatih atau pegawai wanita dalam sukan bagi memastikan kejadian seumpama ini tidak akan berulang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 31**

PR-1361-L04881

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk menyekat penyebaran berita palsu dalam kalangan pihak yang tidak bertanggungjawab sejak akhir-akhir ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa mengadakan koordinasi silang serta mengambil pendekatan berbilang serampang dalam